

## **KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**

### **Jabatan Pendaftaran Negara**

#### **SISTEM PENGURUSAN PELAWAT (VMS)**

- **LATAR BELAKANG PROJEK**

Selaras dengan saranan Y. Bhg Tan Sri Ketua Setiausaha Negara supaya semua agensi Kerajaan menggunakan MyKad bagi meningkatkan urusan pengurusan perkhidmatan di sektor Kerajaan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) telah menghasilkan satu inovasi bagi penambahbaikan dalam memudahkan pengawal mendaftar dan mengesan aktiviti keluar masuk pelawat di bangunan Jabatan Pendaftaran Negara.

Penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah dengan membangunkan Sistem Pengurusan Pelawat (VMS) yang berasaskan MyKad. Sistem VMS ini telah pun diguna pakai di Ibu Pejabat, JPN bermula 1 April 2009. Objektif utamanya adalah untuk memudahkan pengurusan pendaftaran pelawat di Ibu Pejabat JPN secara lebih sistematik dan efektif. Selain itu, penggunaan sistem ini juga membantu meningkatkan tahap keselamatan di mana maklumat yang lengkap dan tepat berkaitan pelawat yang datang berurusan di JPN direkodkan secara automatik melalui Sistem Pengurusan Pelawat ini.

- **TUJUAN DAN FAEDAH**

Sistem Pengurusan Pelawat (VMS) yang berasaskan MyKad memudahkan proses pendaftaran pelawat di mana pelawat tidak perlu lagi menulis maklumat peribadi mereka di dalam Buku Daftar Pelawat. Maklumat berkaitan pelawat, tujuan lawatan serta bahagian yang dilawati disimpan di dalam sistem dan boleh dirujuk pada bila-bila masa yang diperlukan. Sistem ini diintegrasikan dengan Sistem Capaian Pintu (BDAS) bagi membolehkan pelawat memasuki pintu-pintu utama bangunan JPN yang ingin dilawati hanya dengan menggunakan MyKad mereka sendiri. Penggunaan MyKad bagi menggantikan kad pelawat ini juga dapat mengatasi masalah kad pelawat tidak mencukupi.


Sejak Sistem VMS dilaksanakan, banyak faedah telah diperoleh seperti pendaftaran pelawat dapat dilakukan dengan lebih mudah, sistematik dan efektif. Ia juga mengambil masa yang lebih cepat disebabkan pelawat mendaftar menggunakan MyKad masing-masing dan tidak perlu lagi menulis pada buku daftar pelawat. Pemantauan juga mudah dilakukan untuk mengenalpasti aktiviti pergerakan masuk dan keluar seseorang pelawat dan sekaligus

dapat mengesan bilangan jumlah pelawat yang datang ke JPN. Pegawai Perhubungan Awam JPN juga mudah untuk mendaftar pelawat berjadual iaitu pelawat yang telah mendapat kebenaran untuk melawat JPN sebelum tarikh lawatan sebenar.

- **IMPLIKASI KEWANGAN**

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Pelawat (VMS) telah mengelakkan pembaziran kertas dan peruntukan untuk penambahan bilangan kad pelawat kerana sistem ini menggunakan MyKad pelawat itu sendiri untuk akses pintu-pintu utama bangunan JPN. Sistem ini juga dibangunkan secara dalaman, oleh itu kos bagi penyenggaraan sistem dapat dikurangkan.

- **PROSES PELAKSANAAN: CARTA ALIR KERJA**



- **IMPAK INOVASI TERHADAP KUMPULAN SASAR/ PERKHIDMATAN/ JABATAN/ AGENSI/ NEGARA**

Sistem ini boleh dikongsi dengan agensi kerajaan lain memandangkan ia hanya menggunakan MyKad untuk mendaftar dan merekodkan maklumat pelawat dengan mudah dan tepat. Sistem yang dibangunkan oleh BTM ini boleh diperluaskan penggunaannya kepada mana-mana sektor awam bagi meningkatkan kualiti pengurusan perkhidmatan. Sistem ini juga dapat menjimatkan masa pelawat kerana masa mendaftar dapat dikurangkan disebabkan pelawat tidak perlu menulis di Buku Pelawat. Selain itu, masa penyediaan laporan oleh kakitangan JPN juga dapat dikurangkan daripada purata 1 jam kepada 5 minit, iaitu penjimatan sebanyak 83%. Pengguna sistem hanya mencetak laporan atau statistik yang diperlukan dari sistem.

Ini secara tidak langsung meningkatkan hasil kerja kakitangan kerana pendaftaran pelawat dilakukan secara elektronik serta informasi berkaitan pelawat-pelawat dapat diproses dengan cepat dan tepat. Pengawal juga tidak perlu lagi menyusun kad pelawat mengikut aras di kotak-kotak yang disediakan. Sebaliknya tugas pengawal adalah lebih mudah apabila hanya perlu mendaftarkan MyKad pelawat ke dalam sistem dan seterusnya memberi akses kepada aras yang ingin dilawati. Pengawal juga dapat mengeluarkan laporan yang lengkap dan tepat. Penggunaan MyKad bagi menggantikan kad pelawat ini juga dapat mengatasi masalah kehilangan kad pelawat

Selain itu, sistem ini juga dapat meningkatkan tahap kepuasan hati pelanggan dan lebih mesra pelanggan. Ini kerana pendaftaran pelawat dibuat dengan cekap di mana masa menunggu giliran di lobi dapat dikurangkan ke tahap yang paling minima. Pelawat yang datang secara serentak tidak perlu beratur panjang untuk mendaftar di buku daftar pelawat. Selain itu juga penggunaan MyKad sebagai pas pelawat adalah amat digalakkan serta dapat meningkatkan keyakinan pelanggan untuk menggunakan MyKad sepenuhnya sejajar dengan dasar peluasan penggunaan MyKad di seluruh negara. Sistem ini juga memberikan imej yang baik kepada JPN sebagai perintis menggunakan MyKad untuk pendaftaran dan pas pelawat.

- **PENGIKTIRAFAN DALAM/LUAR NEGARA**

Sistem VMS telah berjaya memenangi Anugerah Inovasi Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia pada tahun 2009 dan menyertai Anugerah Inovasi Peringkat KDN tahun 2010.